



PIHAK BERKUASA PENERBANGAN AWAM MALAYSIA (CAAM)

KENYATAAN TENDER

1. Tawaran adalah dipelawa kepada pembekal yang berkelayakan dan berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)** melaksanakan bekalan/perkhidmatan seperti berikut :

PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN 24 JAM (TANPA SENJATA API) DI PIHAK BERKUASA PENERBANGAN AWAM MALAYSIA (CAAM), WILAYAH SARAWAK ZON 3 (MIRI DAN LIMBANG)

NO. TENDER	KOD BIDANG	TARIKH PENJUALAN DOKUMEN	TARIKH, MASA & TEMPAT TAKLIMAT TENDER	HARGA SENASKAH DOKUMEN (RM)	TARIKH TUTUP TENDER
CAAM/T 026/2026	220801	TIADA	14/09/2026 (Isnin) Sesi Taklimat : 09:00 pagi BILIK MESYUARAT PIHAK BERKUASA PENERBANGAN AWAM MALAYSIA (CAAM), CAWANGAN MIRI, LAPANGAN TERBANG MIRI, 98000 MIRI, SARAWAK (PEGAWAI UNTUK DIHUBUNGI: EVANGELINA JOHN (evangelina@caam.gov.my) (085-614991)).	RM0.00	05/10/2026 (Isnin) (sebelum 12:00 tengah hari)

2. Pembekal **diwajibkan** menghadiri taklimat/lawatan tapak sebut harga seperti alamat yang tertera pada jadual di atas (**sekiranya ada**). **WAKIL SYARIKAT** adalah **TIDAK DIBENARKAN** untuk menghadiri taklimat/lawatan tapak sebut harga. Hanya Pemilik/Penama yang berdaftar dengan MoF sahaja yang dibenarkan menghadiri taklimat/lawatan tapak dengan mengemukakan Kad Pengenalan dan Sijil MOF untuk pengesahan.
3. Bayaran dokumen sebut harga (sekiranya ada) boleh dibuat secara DALAM TALIAN ke **Akaun No. 3811340215 - PUBLIC ISLAMIC BANK atas nama Civil Aviation Authority of Malaysia (CAAM)**. Wang ini tidak akan dikembalikan.
4. Kos bagi penyertaan dan penyediaan dokumen tawaran pembekal adalah ditanggung sepenuhnya oleh pembekal.
5. Pembekal hendaklah mengambil perhatian bahawa setiap transaksi melalui Sistem SPEED akan dikenakan fi perkhidmatan 0.4% bagi kontrak yang melibatkan beberapa pembayaran (multiple payment) mengikut setiap nilai invoice yang dikemukakan kepada Pihak Berkuasa tertakluk kepada had maksimum RM4,800.00 bagi invoice yang bernilai RM1.2 juta atau lebih; ATAU 0.8% bagi perolehan yang melibatkan hanya sekali bayaran (one-time payment) mengikut setiap nilai invoice yang dikemukakan kepada Pihak Berkuasa tertakluk kepada had maksimum berjumlah RM9,600 bagi invoice yang bernilai RM1.2 juta atau lebih.
6. **TATACARA PENYERTAAN TENDER**
 - a) Pembekal **DIWAJIBKAN** membuat pendaftaran pembekal melalui laman web <https://speed2u.my> sebelum menyertai tawaran ini. Sila hubungi pusat khidmat pelanggan SPEED di talian 03-78854111 atau emel kepada helpdesk@speed2u.my untuk tujuan ini;
 - b) Seterusnya, Pembekal dikehendaki melengkapkan borang pada pautan <https://forms.gle/2wBvwTVw5JJytxmb9> untuk mengakses sistem SPEED bagi penyediaan cadangan tawaran pembekal **sekiranya tiada sesi taklimat diadakan** ; dan
 - c) Pembekal dikehendaki mengemukakan tawaran secara dalam talian (online) melalui sistem SPEED sebelum atau pada tarikh dan masa tutup Sebut Harga yang ditetapkan.
7. Sebarang pertanyaan perlu dikemukakan kepada Urus Setia perolehan melalui emel unit.perolehan@caam.gov.my atau hubungi talian 03-88714137/4120/4033/4287.
8. Rujuk pautan "<https://shorturl.at/C3FJY>" untuk perincian tender.